

Set 3

1. Manakah di antara yang berikut tidak boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi prestasi sesebuah dana?

- A. “KLIBOR”
- B. IKKL
- C. Akaun semasa dari peratusan KDNK
- D. Kadar bon untuk 5 tahun

Jawapan C

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merupakan salah satu ukuran untuk pendapatan negara dan pengeluaran hasil bagi sesebuah negara. KDNK didefinisikan sebagai jumlah nilai pasaran bagi semua nilai produk akhir dan perkhidmatan yang dihasilkan di dalam negara dalam satu tempoh masa (selalunya satu tahun kalendar).

Soalan 2 & 3

2. Harga dana bagi tahun pertama adalah RM 0.80 seunit. Pada tahun kedua, En. K membeli 20,000 unit lagi pada harga yang sama. Dia kemudiannya menebus balik pelaburan itu pada tahun ketiga dengan harga RM 0.90 seunit dan mendapat jumlah sebanyak RM93,375. Berapakah jumlah pelaburan En. K pada tahun pertama?

- A. RM 99,719
- B. RM 96,719
- C. RM 67,000
- D. RM 63,000

Jawapan C

Jumlah unit tahun ketiga
 = RM 93,375 / RM 0.90
 = RM 103,750 unit
 Jumlah unit tahun pertama
 = 103,750 unit – 20,000 unit
 = 83,750 unit
 Jumlah pelaburan
 = 83,750 X RM 0.80
 = RM 67,000

3. Berapakah jumlah unit yang diperolehi pada tahun pertama?

- A. 73,750 unit
- B. 80, 750 unit
- C. 83,750 unit
- D. 90,750 unit

Jawapan C

Jumlah unit tahun ketiga
 = RM 93,375 / RM 0.90
 = 103,750 unit
 Jumlah unit tahun pertama
 = 103,750 unit – 20,000 unit
 = 83,750 unit

4. Dalam melakukan jualan secara meluru, PEUA mungkin cenderung memberi maklumat yang tidak sepatutnya didedahkan. Di bawah Kod Etika bagi PEUA: Kejujuran, Maruah dan Integriti, seorang PEUA tidak sepatutnya mendedahkan perkara berikut KECUALI:

- A. Pelaburan ini menjamin keuntungan dari jangka masa sederhana ke jangka masa panjang.
- B. Pengurus tabung akan cuba dengan sedaya upaya untuk memberikan pulangan yang mungkin untuk pelaburan jangka masa panjang.
- C. Unit amanah adalah selamat seperti simpanan tetap.
- D. Dana ini sentiasa memberi pulangan 10 %.

Jawapan B

Dana X	Dana Y
Ekuiti 10%	Ekuiti 90%
Pasaran Wang 90%	Pasaran Wang 10%

5. Manakah diantara kenyataan adalah benar?

- I. Jika kadar faedah meningkat, ia akan memberi kesan bertentangan pada Dana Y

- II. Jika kadar faedah meningkat, ia akan memberi kesan positif pada Dana X.
 - III. Jika pasaran saham menunjukkan prestasi yang baik, ia akan memberikan kesan positif pada Dana X.
 - IV. Jika pasaran saham menunjukkan prestasi yang baik, ia akan memberikan kesan bertentangan pada Dana Y.
- A. I, II C. II, III, IV
B. III, IV D. I, II, III, IV

Jawapan A

Apabila kadar faedah meningkat, instrumen pasaran wang bertambah permintaannya. Jadi dana yang mempunyai pendedahan pasaran wang akan meningkat (Dana X). Bagi dana yang mempunyai pendedahan yang tinggi dalam ekuiti (Dana Y) akan mempunyai kesan negatif.

6. Harga untuk tabung tertutup, tersenarai ditentukan mengikut:

- A. Jumlah nilai aset dibahagikan mengikut unit dalam edaran.
- B. Harga ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran pasaran seperti Bursa Malaysia di mana SUA disenaraikan.
- C. SPUA mengira harga unit pada harga penutup hari urus niaga.
- D. Jawatankuasa pelaburan menentukan harga setiap hari.

Jawapan B

7. Manakah di antara berikut definasi terbaik untuk skim kolektif?

- A. Sebuah pelaburan terkumpul yang boleh dikumpul oleh sesiapa seperti derma amal.
- B. Sejumlah besar wang yang dilaburkan di dalam instrumen yang mengeluarkan hasil yang lebih.
- C. Dalam erti kata lain seperti dana amanah.
- D. Wang terkumpul yang kemudiannya dilaburkan di dalam pelbagai instrumen pelaburan untuk menggandakan modal permulaan.

Jawapan D

Skim kolektif membenarkan pelabur yang mempunyai objektif yang sama supaya mengumpulkan simpanan mereka, dan kemudian dilaburkan ke dalam portfolio sekuriti atau aset lain yang diuruskan oleh profesional pelaburan. (Bab 1, Muka surat 1-2)

8. Apakah pilihan yang ada pada pelabur apabila agihan diberikan?

- I. Pelaburan semula dengan menambah unit di dalam dana yang sama.
 - II. Menggunakan wang untuk perbelanjaan peribadi.
 - III. Pelaburan semula dengan membeli saham SPUA di bursa saham.
- A. Semua di atas C. I dan III
B. I dan II D. Tiada jawapan di atas

Jawapan B

Pelabur mempunyai pilihan untuk melabur semula atau membelanjakan wang itu. Walau bagaimanapun, pelabur tidak dibenarkan untuk melabur semula dan membeli saham melainkan dia memilih untuk menebus pelaburan dan menggunakan wang itu untuk membeli saham.

9. Mana kenyataan di bawah yang tidak sepatutnya diberitahu oleh PEUA?

- A. Pelaburan unit amanah tiada risiko.
- B. Jangan risau kerana pulangan dijamin.
- C. Tidak mengapa jika tiada wang kerana boleh membuat pinjaman untuk melabur
- D. Semua kenyataan di atas.

Jawapan D

10. Apakah yang diperiksa oleh pemiutang apabila menerima permohonan pinjaman untuk pelaburan?

- A. Jenis kad kredit yang dimiliki oleh pelabur.

- B. Jumlah yang perlu ditambah jika nilai pelaburan jatuh di bawah tahap sekuriti.
- C. Penilaian kredit pemohon.
- D. Pelaburan yang pernah dilaburkan dahulu.

Jawapan C

11. Secara umumnya, dana amanah yang mempunyai 80% aset yang dilaburkan dalam saham pertumbuhan sesuai untuk rancangan pelaburan bagi:
- A. Tabung pendidikan untuk seseorang yang berumur 18 tahun
 - B. Tabung persaraan bagi seseorang yang berumur 52 tahun
 - C. Pelaburan yang mendatangi pendapatan bagi seseorang yang berumur 86 tahun
 - D. Tiada jawapan di atas

Jawapan D

12. Manakah di antara berikut adalah benar?
- A. Apabila kadar faedah menurun, nilai bon akan meningkat.
 - B. Apabila kadar faedah menurun, nilai bon akan menurun.
 - C. Tiada hubungan di antara kadar faedah dengan pasaran saham.
 - D. Tiada hubungan di antara kadar faedah dengan bon.

Jawapan A

Secara umumnya, harga bon bergerak secara bertentangan dengan kadar faedah.

Soalan 13 dan 14

13. Pelaburan permulaan: RM80,000
Tempoh pelaburan: 3 tahun
Kadar Pulangan Pelaburan sebelum Yuran & Perbelanjaan: 10% setahun
Yuran pengurusan berterusan: 1.5% setahun

Bayaran Perkhidmatan Awal : 5%

Berapakah nilai pelaburan yang dijangkakan selepas 3 tahun?

- A. RM 97,317
- B. RM 101,156
- C. RM 102,183
- D. RM 106,480

Jawapan A

Wang kerja = RM 80,000 / (1+5%)
= RM 80,000 / (1.05)
= RM 76,190.48
Pulangan berkesan = 10% - 1.5%
= 8.5%

Pulangan pelaburan selepas 3 tahun

FV = PV(1+i)ⁿ
= RM 76,190.48 (1+8.5%)³
= RM 76,190.48 (1.085)³
= RM 97,317.27

14. Berapa lamakah yang diperlukan untuk pelaburan permulaan mencapai RM 160,000?

- A. 7.2 tahun
- B. 8.5 tahun
- C. 14.4 tahun
- D. 20.6 tahun

Jawapan B

Gunakan Peraturan 72
72/8.5 = 8.5 tahun

15. Andaikan yuran pengurusan berterusan ialah 1.0% berbanding 1.5%, berapakah nilai pelaburan yang dijangkakan pada penghujung tahun ketiga?

- A. RM 98,669
- B. RM 101,156
- C. RM 103,602
- D. RM 106,480

Jawapan A

Wang bekerja = RM 80,000/ (1+5%)
 = RM 80,000/ (1.05)
 = RM 76,190.48

Pulangan berkesan = 10% - 1.0%
 = 9.0%

Pulangan pelaburan selepas 3 tahun
 $FV = PV(1+i)^n$
 = RM 76,190.48 (1+9.0%)³
 = RM 76,190.48 (1.09)³
 = RM 98,668.88

16. Bayaran perkhidmatan awal yang maksimum didedahkan di dalam:

- A. Surat ikatan
 B. Prospektus
 C. Bahan Promosi
 D. Semua di atas

Jawapan D

SS menyarankan semua SPUA untuk menerbitkan bayaran perkhidmatan awal di dalam prospektus dan bahan promosi untuk kesedaran awam. Untuk surat ikatan, ia merupakan perjanjian sah di antara 3 pihak utama - SPUA, Pemegang Amanah dan pemegang unit. Perjanjian ini mesti menyatakan bayaran perkhidmatan awal.

Soalan 17 & 18

Seorang pelabur telah melabur sekali gus di dalam sebuah dana unit amanah pada harga RM 0.80 seunit untuk tahun pertama dan telah membeli 20,000 unit lagi pada tahun kedua. Pada penghujung tahun ketiga, beliau membuat keputusan untuk menebus semua pelaburan beliau pada harga belian RM 0.90 seunit dan jumlah yang diterima ialah sebanyak RM 79,200.

17. Berapakah unit yang layak beliau terima pada tahun pertama?

- A. 68,000 unit
 B. 79,200 unit
 C. 88,000 unit
 D. Tiada jawapan di atas

Jawapan A

Jumlah unit untuk tahun ketiga
 = RM 79,200/ RM 0.90
 = 88,000 unit

Jumlah unit untuk tahun pertama
 = 88,000 unit – 20,000 unit
 = 68,000 unit

18. Berapakah jumlah pelaburan beliau pada tahun pertama? (Andaikan tidak termasuk bayaran perkhidmatan awal)

- A. RM 16,000
 B. RM 54,400
 C. RM 70,400
 D. Tiada jawapan di atas

Jawapan B

Jumlah pelaburan pada tahun pertama
 = 68,000 X RM 0.80
 = RM 54,400

19. Apakah yang dimaksudkan dengan “Panggilan Margin”?

- A. Satu jumlah yang perlu dibayar oleh pelabur jika pendedahan kredit unit amanah jatuh di bawah tahap tertentu.
 B. Ia merupakan sejenis yuran pemprosesan yang dikenakan oleh pemiutang untuk membiayai pelaburan unit amanah.
 C. Ia adalah margin yang dikenakan oleh pemiutang ke atas kadar pinjaman asas.
 D. Bayaran yang dikenakan ke atas kontrak masa depan.

Jawapan A

Pemberi pinjaman mungkin mendapati nilai unit dalam SUA yang dipegang sebagai sekuriti untuk pinjaman tidak memberikan margin yang mencukupi ke atas jumlah pinjaman yang belum jelas. Pemberi pinjaman kemudian akan meminta agar peminjam menambah tahap sekuriti, iaitu panggilan margin akan dibuat ke atas peminjam. (Bab 1, Muka surat 1-8)

Soalan 20, 21 & 22

NAB sebelum agihan untuk satu dana adalah RM200 juta. Unit dalam edaran adalah 380 juta unit dan pengurus tabung mengenakan bayaran perkhidmatan awal sebanyak 5%. (Sila gunakan 3 titik perpuluhan untuk pengiraan)

20. Jika pengagihan diisytiharkan adalah 3.5 sen seunit, berapakah harga jualan seunit selepas agihan?

- A. RM 0.49 C. RM 1.86
B. RM 0.52 D. RM 1.96

Jawapan A

NAB seunit sebelum agihan
= RM 200 juta/ 380 juta unit
= RM 0.526
NAB seunit selepas agihan
= RM 0.526 – RM 0.035
= RM 0.491

21. Berdasarkan jawapan di atas dan andaikan pelanggan telah melabur RM 10,000 selepas agihan, berapa banyak unit yang pelabur perolehi daripada pelaburan tersebut?

- A. 20,408 unit C. 5,120.33 unit
B. 19,436.35 unit D. 5,102.04 unit

Jawapan B

Wang kerja
= RM 10,000/ (1+5%)
= RM 10,000/ (1.05)
= RM 9523.810
Jumlah unit selepas agihan
= Jumlah pelaburan/ NAB seunit selepas agihan
= RM 9523.810/ 0.49
= 19, 436.35 unit

22. Jika bayaran perkhidmatan awal dikurangkan dari 5% kepada 3% dan berdasarkan harga jualan selepas pengagihan, berapa banyakkah penjimatan yang boleh diperolehi oleh pelanggan dengan jumlah pelaburan yang sama seperti soalan sebelum?

- A. RM 326.53 C. RM 377.95
B. RM 184.93 D. RM 200.00

Jawapan B

Perbezaan diantara:

Wang kerja (bayaran perkhidmatan awal 5%) dan Wang kerja (bayaran perkhidmatan awal 3%)
= [RM 10,000/(1+5%)] – [RM 10,000/(1+3%)]
= RM 9523.810 – RM 9708.738
= RM 184.93

23. NAB harian sesebuah SUA boleh didapati dari:

- A. Jadual harga unit amanah yang disiarkan dalam akhbar-akhbar utama.
B. Dengan menghubungi SPUA
C. Dengan mengunjungi SPUA dan cawangannya
D. Semua di atas

Jawapan D

24. Pada tahun 1995, En. Jamal telah melabur sebanyak RM 50,000 yang memberikan pulangan sebanyak 9% setahun. Sekiranya pelaburan itu boleh memberikan pulangan yang sama untuk tahun yang akan datang, bilakah beliau dapat menggandakan wang pelaburan itu?

- A. Tahun 2000 C. Tahun 2005
B. Tahun 2003 D. Tahun 2007

Jawapan B

Gunakan Peraturan 72

$$72/9 = 8 \text{ tahun}$$
$$1995 + 8 = 2003$$

Soalan 25 & 26

Jumlah unit yang dipegang sebelum pecahan unit : 18,000 unit
Jumlah nilai pelaburan sebelum pecahan unit : RM 6,000
Nisbah pecahan unit: 1 : 3

25. Berapakah jumlah unit yang akan dipegang oleh pelabur selepas pecahan unit?

- A. 24,000 unit
- B. 18,000 unit
- C. 16,000 unit
- D. 6,000 unit

Jawapan A

Jumlah unit selepas pecahan unit
 $18,000 \times (4/3) = 24,000 \text{ unit}$

26. Berapakah nilai pelaburan beliau selepas pecahan unit berlaku?

- A. RM 2,000
- B. RM 6,000
- C. RM 8,000
- D. Tiada jawapan di atas.

Jawapan B

NAB seunit sebelum pecahan unit
 $= \text{RM } 6,000 / 18,000$
 $= \text{RM } 0.33$
NAB seunit selepas pecahan unit
 $= \text{RM } 0.33 \times (3/4)$
 $= \text{RM } 0.25$
Jumlah nilai pelaburan
 $= \text{RM } 0.25 \times 24,000 \text{ unit}$
 $= \text{RM } 6,000$

27. Berdasarkan jadual prestasi terbaru, Mei Ling memberitahu anda
“Lihat! Dana OMG Small Cap telah meningkat 36% pada bulan lepas,

saya rasa dana ini mungkin terbaik untuk saya melabur. Anda tahu bahawa melabur di dalam sesebuah dana berdasarkan prestasi bulan sebelumnya bukan aspek yang terbaik bagi beliau, apakah aspek lain yang patut anda nasihatkan kepada beliau sebelum melabur?

- I Lihat ketekalan prestasi dana dalam jangka masa sederhana ke jangka masa panjang.
- II Matlamat kewangan beliau dan tentukan apakah tahap risiko yang sanggup beliau tanggung.
- III Kesesuaian objektif dana dan risiko yang dihadapi dengan matlamat pelaburan dan profil risikonya.
- IV Jumlah yuran dan bayaran yang dikenakan oleh dana dan tahap perkhidmatan yang diberikan.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I, II dan III
- D. Semua di atas

Jawapan D

28. Untuk meningkatkan pulangan pelaburan sesebuah dana, dana itu akan meminjam dan melabur di dalam pasaran saham lain.

- A. Kenyataan ini adalah benar kerana ini adalah kebiasaan dalam pelaburan.
- B. Kenyataan ini adalah salah kerana meminjam tidak dibenarkan dalam SUA.
- C. Kenyataan ini adalah benar kerana meminjam dan melabur, adalah untuk menjana pendapatan.
- D. Semua di atas adalah salah.

Jawapan B

29. Selepas berbincang dengan pelabur yang berpotensi, PEUA mendapati bahawa pelabur tersebut boleh menerima risiko yang tinggi dan inginkan pelaburan untuk jangka masa panjang. Manakah di antara dana berikut yang sesuai bagi pelabur ini?

- A. Dana Pertumbuhan
- B. Dana Imbang
- C. Dana Pendapatan
- D. Dana Pasaran Wang

Jawapan A

Harapan SPUA dan pelabur adalah supaya SUA ini dapat menghasilkan pulangan tinggi berdasarkan peningkatan dalam harga saham yang dipegang dalam portfolio, berbanding daripada pendapatan dividen yang diterima oleh SUA. (Bab 1, muka surat 1-13)

30. Shiela hendak menjadi seorang jutawan. Jika beliau mempunyai RM 500,000.00 dan memperolehi pulangan sebanyak 8% setahun, Berapa lamakah tempoh yang beliau perlukan untuk mencapai matlamatnya?

- A. 8 tahun
- B. 9 tahun
- C. 10 tahun
- D. 11 tahun

Jawapan B

Peraturan $72 = 72 / 8 = 9$ tahun

31. Dalam bentuk apakah pulangan yang diterima oleh pelabur dalam pelaburan unit amanah?

- A. Pengagihan dan pertambahan Modal
- B. Pengagihan
- C. Pertambahan Modal
- D. Kadar Faedah

Jawapan A

Pulangan pelaburan untuk pemegang unit dalam SUA biasanya adalah gabungan pembayaran pendapatan tetap dan tambahan nilai modal. (Bab 1, muka surat 1-3)

32. Dana manakah risikonya paling tinggi?

- A. Dana Pertumbuhan Modal
- B. Dana Perlindungan Modal
- C. Dana Pasaran Wang

- D. Dana Pendapatan Tetap

Jawapan A

33. Apakah dana mengikut jejak indeks?

- A. Dana yang dilaburkan dalam syarikat dengan pertumbuhan modal yang tinggi.
- B. Dana yang dilaburkan dalam pelbagai syarikat yang hampir setanding dengan indeks tertentu.
- C. Dana yang dilaburkan dalam syarikat yang dijangka akan membayar dividen yang lumayan.
- D. Dana yang dilaburkan dalam pasaran saham luar negara.

Jawapan B

34. Apakah objektif utama PPUAM?

- I. Meningkatkan kawal selia, fiskal dan sah unit amanah.
- II. Meningkatkan amalan perniagaan yang kukuh dan beretika.
- III. Memberi maklumat, membantu dan memberi perkhidmatan lain kepada ahli-ahlinya.
- IV. Mempromosikan kesedaran awam mengenai faedah dan risiko melabur dalam unit amanah.

- A. I, II, III
- B. II, III, IV

- C. I, II, IV
- D. Semua di atas..

Jawapan D

35. Pulangan mentah:

- A. Adalah ukuran yang terbaik untuk pulangan SUA
- B. Sejenis ukuran yang lebih baik daripada pulangan terkompoun tahunan
- C. Ukuran yang menunjukkan jumlah pulangan yang diterima

- dengan memegang pelaburan dalam tempoh pelaburan.
D. Hanya satu- satunya ukuran pulangan yang mengira masuk tempoh pelaburan.

Jawapan C

36. Apabila agihan diumumkan,
- A. Nilai pelaburan pemegang unit tidak terjejas.
 - B. Nilai pelaburan pemegang unit jatuh secara relatif apabila agihan dibayar.
 - C. Agihan mesti dilabur semula.
 - D. Nilai pelaburan pemegang unit meningkat secara relatif apabila agihan dibayar.

Jawapan B

Pemegang unit dalam SUA, selepas menerima agihan, akan mendapati yang NAB pelaburannya jatuh bersamaan dengan jumlah agihan. (Bab 1, muka surat 1-46)

37. Manakah kenyataan di bawah yang memberikan faedah kepada anda jika ada kepelbagaian potfolio termasuk saham, bon dan dana pasaran wang?
- A. Pulangan tinggi diterima anda dengan potfolio yang tidak dipelbagaikan.
 - B. Keupayaan untuk mengimbangi risiko dan pulangan dalam mencapai matlamat kewangan anda.
 - C. Jaminan pada potfolio anda tidak akan jatuh teruk jika pasaran saham jatuh.
 - D. Semua jawapan di atas

Jawapan B

SUA imbang menunjukkan kadar turun naik yang lebih rendah daripada kebanyakan SUA kelas aset tunggal tetapi menawarkan beberapa prospek

pulangan lebih tinggi daripada yang boleh didapati daripada SUA pasaran wang, akaun simpanan dan deposit tunai. (Bab 1, muka surat 1-15)

38. Manakah memberi kesan kepada kadar pulangan efektif?

- A. Peningkatan pelaburan
- B. Cukai
- C. Inflasi
- D. Semua di atas

Jawapan D

Cukai dan inflasi adalah dua faktor yang boleh memberi kesan ke atas pulangan berkesan pelaburan. Peningkatan pelaburan pula adalah risiko tambahan bagi pelabur yang meminjam untuk melabur. (Bab 1, muka surat 1-6, Bab 5, muka surat 5-12)

39. Pelaburan faedah tetap mempunyai hubungan negatif yang tinggi dengan ekuiti, maksudnya:

- A. Apabila pasaran ekuiti jatuh, pasaran pelaburan faedah tetap akan meningkat.
- B. Apabila pasaran ekuiti meningkat, pulangan pelaburan faedah tetap akan mengatasi pulangan pasaran ekuiti.
- C. Risiko pelaburan faedah tetap adalah lebih tinggi daripada ekuiti.
- D. Pulangan ekuiti selalunya lebih tinggi daripada pelaburan faedah tetap tanpa menghiraukan situasi pasaran.

Jawapan A

40. Apakah NAB seunit?

- A. Jumlah nilai pelaburan selepas ditolak dengan bayaran perkhidmatan awal.
- B. Nisbah pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap.
- C. NAB pelaburan dibahagikan dengan jumlah unit yang diwujudkan.

- D. Jumlah unit yang dipegang dalam skim didarabkan dengan harga belian.

Jawapan C

Ia adalah jumlah NAB dana yang dibahagikan dengan bilangan unit dalam edaran.

41. Seorang pelabur membeli atau menjual unit dalam SUA berdasarkan harga yang ditentukan oleh SPUA pada harga penutup hari urus niaga. Kenyataan diatas merujuk kepada
- A. Harga Hadapan
 - B. Harga Lampau
 - C. Harga Hari Ini
 - D. Harga Masa Depan

Jawapan A

Kenyataan berikut merujuk kepada harga hadapan (Bab 1, muka surat 1-43)

42. Pilihan manakah yang akan meningkatkan keseluruhan risiko?
- A. Memindahkan dari bon ke saham
 - B. Memindahkan dari saham ke bon
 - C. Memindahkan dari saham ke pasaran wang
 - D. Memindahkan dari saham ke deposit tetap

Jawapan A

Soalan 43,44 & 45

NAB sebelum pecahan unit: RM 100,000,000
Unit dalam edaran sebelum pecahan unit: 250,000,000 unit
Pecahan unit: 1: 10

43. Kirakan NAB seunit untuk sebelum pecahan unit.

- A. RM 0.31
- C. RM 0.35

- B. RM 0.40

- D. RM 0.39

Jawapan B

NAB seunit sebelum pecahan unit
= NAB Dana/Unit dalam edaran
= RM 100,000,000/250,00,000
= RM 0.40

44. Kirakan NAB seunit selepas pecahan unit.

- A. RM 0.31
- B. RM 0.36
- C. 0.32
- D. 0.05

Jawapan B

NAB seunit sebelum pecahan unit = RM 0.40
 $RM\ 0.40 \times \frac{10}{11} = RM\ 0.36$

45. Andaikan En. D mempunyai 8,500 unit sebelum pengumuman pecahan unit. Kirakan jumlah unit selepas pecahan unit.

- A. 7,727.27 unit
- B. 8,500 unit
- C. 9,350 unit
- D. 85,000 unit

Jawapan C

Selepas pecahan unit
 $8,500 \times \frac{11}{10} = 9,350\ \text{unit}$

46. Azmi, Bakar dan Charles melabur selama satu tahun kewangan penuh dalam dana XYZ, dimana tahun berakhir kewangan adalah 31 Julai, dan mereka berhak mendapat agihan penuh contohnya 5 sen/unit. David, Eva, George dan Farid melabur pada pertengahan tahun kewangan dana XYZ dan mereka juga berhak mendapat jumlah agihan penuh. Apabila terdapat ramai pelabur, jumlah agihan akan berkurang dan ini tidak adil bagi pelabur awal. Apakah yang akan dilakukan untuk menjamin pendapatan pengagihan yang adil kepada pelabur?

- A. "Membeli" agihan
- B. Penyamaan pengagihan
- C. Pecahan
- D. Agihan

Jawapan B

Penyamaan pengagihan ialah sebahagian daripada wang yang diketepikan daripada pelaburan untuk menyamakan pendapatan pengagihan pemegang unit. (Bab 3, muka surat 3-14)

47. Penasihat Institusi Unit Amanah (PIUA) dan Penasihat Korporat Unit Amanah (PKUA) mesti memastikan sekurang-kurangnya ___ Perunding Unit Amanah (PEUA) ditempatkan di setiap Tempat Pengagihan pada setiap masa.

- A. Satu
- B. Dua
- C. Tiga
- D. Empat

Jawapan B

PIUA dan PKUA mesti memastikan jumlah minimum dua PEUA di setiap Tempat Pengagihan setiap masa. (Bab 2, muka surat 2-18)

48. Pelanggan A melabur dalam satu pelaburan sebanyak RM 10,000. Pelanggan B melabur RM 300 setiap bulan. Kaedah pelaburan diatas dikenali sebagai

- A. Pelaburan sekali gus
- B. Pelaburan sekali
- C. Simpanan secara tetap
- D. Belian sekali gus dan pelaburan simpanan secara tetap

Jawapan D

(Bab 1, muka surat 1-5 & 1-6)

49. Apakah ciri-ciri dana yang memberikan pulangan tinggi?

- A. Berisiko tinggi
- B. Semakin tinggi pulangan, semakin rendah risiko
- C. Secara amnya sesuai untuk pelabur yang tiada pelaburan
- D. Jangan melabur dalam ekuiti

Jawapan A

Dana pulangan tinggi selalu dikaitkan dengan risiko tinggi.

50. Cik Rafidah telah melabur sekali gus ke dalam satu SUA dan berhasrat untuk meminimumkan pendedahan bayaran perkhidmatan awalnya. Sebagai PEUA, apakah penyesyoran terbaik untuk beliau?

- A. Syorkan kepada Cik Rafidah untuk melabur ke dalam SUA pertumbuhan yang boleh mendapatkan keuntungan yang tinggi dan mampu melindungi bayaran perkhidmatan awal beliau.
- B. Menasihati Cik Rafidah supaya melabur secara tetap sekerap yang mungkin untuk mengurangkan kos pelaburan.
- C. Menasihati Cik Rafidah supaya melaksanakan strategi "beli & pegang" demi untuk memenuhi matlamat jangka masa panjang.
- D. Melabur dalam SUA Islam yang mengikut prinsip Syariah.

Jawapan C

Soalan 51, 52, & 53

Seorang pelabur telah melabur sekali gus di dalam satu SUA dengan harga RM0.50 seunit pada tahun pertama dan seterusnya membeli 10,000 unit pada harga RM0.52 seunit pada tahun kedua. Pada penghujung tahun ketiga, beliau memutuskan untuk menebus kembali pelaburannya dengan harga belian RM0.60 seunit dan jumlah keuntungannya ialah RM15,000.

51. Berapakah unit yang beliau peroleh melalui pelaburannya pada tahun pertama?

- A. 15,000 unit

- B. 25,000 unit
- C. 35,000 unit
- D. Tiada jawapan di atas

Jawapan A

Jumlah unit tahun ketiga = $RM15,000 / RM0.60 = 25,000$ unit
Jumlah unit tahun pertama = $25,000$ unit – $10,000$ unit = $15,000$ unit

52. Berapakah jumlah wang yang dilaburkannya pada tahun pertama dan kedua?

- A. RM7,500
- B. RM5,200
- C. RM12,700
- D. Tiada satupun diatas

Jawapan C

Pelaburan tahun pertama = $15,000$ unit x $RM0.50 = RM7,500$
Pelaburan tahun kedua = $10,000$ unit x $RM0.52 = RM5,200$
Jumlah = $RM7,500 + RM5,200 = RM12,700$

53. Semasa membuat penebusan pada tahun ketiga, kirakan pulangan mentah pelaburannya yang dibuat dari tahun pertama (andaikan tiada pengagihan dibayar pada waktu itu)

- A. 15%
- B. 18%
- C. 20%
- D. 100%

Jawapan C

Pelaburan tahun pertama = $RM7,500$
Penebusan bagi pelaburan tahun pertama = $15,000$ unit x $RM0.60 = RM9,000$
Pulangan mentah = $(RM9,000 - RM7,500) / RM7,500 = 20\%$

Soalan 54, 55, 56 dan 57

NAB sebelum pengagihan bagi Dana B ialah $RM 292,500,000$ dan unit dalam edaran adalah $195,000,000$. Dana mengumumkan agihan adalah 15

sen seunit dan pengurus mengenakan bayaran perkhidmatan awal sebanyak 5%.

54. Berapakah NAB seunit sebelum agihan?

- A. RM 1.50
- B. RM 1.35
- C. RM 1.45
- D. RM 1.60

Jawapan A

NAB seunit sebelum agihan = $NAB / \text{jumlah unit}$
= $RM 292,000,000 / 195,000,000$
= $RM 1.50$

55. Berapakah NAB seunit selepas agihan?

- A. RM 1.50
- B. RM 1.35
- C. RM 1.45
- D. RM 1.60

Jawapan B

NAB seunit selepas agihan = NAB seunit sebelum agihan – agihan
= $RM 1.50 - RM 0.15$
= $RM 1.35$

56. Berapakah nilai pelaburan En. Samuel sebelum pengumuman agihan, jika dia memegang 60,000 unit?

- A. RM 93,000
- B. RM 92,000
- C. RM 90,000
- D. RM 91,500

Jawapan C

Nilai pelaburan sebelum agihan = NAB seunit sebelum agihan X jumlah unit
= $RM 1.50 \times 60,000$
= $RM 90,000$

57. Andaikan tiada cukai dikenakan, berapakah nilai pelaburan En. Samuel

selepas pengumuman agihan jika dia memegang 60,000 unit dan agihan itu dilaburkan semula pada NAB seunit?

- A. RM 93,000
- B. RM 92,000
- C. RM 90,000
- D. RM 91,500

Jawapan C

Nilai pelaburan selepas pelaburan
= NAB seunit selepas pelaburan X jumlah unit
= RM 1.35 X 60,000 unit
= RM 81,000
Jumlah pelaburan semula
= Pengagihan X Jumlah unit
= RM 0.15 X 60,000 unit
= RM 9,000
Jumlah pelaburan
= RM 81,000 + RM 9,000
= RM 90,000

58. NAB dari dana amanah ekuiti

- A. Akan turun-naik mengikut perubahan harga dari komponen indeks saham ekuiti
- B. Akan turun-naik mengikut perubahan kadar faedah sahaja
- C. Tidak akan berubah sama sekali mengikut turun-naik pasaran saham
- D. Tiada jawapan di atas

Jawapan A

59. Syarikat tersenarai dikenali sebagai:

- A. SUA Terbuka
- B. SUA "Universal"
- C. SUA Tertutup
- D. SUA Serantau

Jawapan C

60. Pengiraan NAB

- A. Nilai ekuiti yang dilaburkan di dalam skim unit amanah
- B. Yuran pemegang amanah
- C. Yuran juruaudit
- D. Semua di atas

Jawapan D